

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SELANGOR KINI
TARIKH : 22 JULAI 2016

Bayar kompaun menang RM4,000

Shahrin Ahmad
SHAH ALAM - Orang ramai yang menyertai Kempen Membayar Kompaun dan Cukai Taksiran secara atas talian (*online*) JomPAY dari 1 Jun sehingga 31 Ogos 2016 berpeluang memenangi wang tunai RM4,000.



Shahrin Ahmad

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad, berkata JomPAY boleh diakses melalui perbankan internet sedia ada yang dimiliki pengguna.

"Pengguna hanya perlu mendaftar masuk ke laman sesawang atau portal bank dan memilih bayaran melalui JomPAY pada paparan bil.

"Seterusnya, pengguna hanya perlu memasukkan biller code 7567 (Bayaran Cukai Taksiran) dan biller code 6726 (Bayaran Kompaun), nombor akaun baru cukai taksiran atau nombor kompaun pada ref1 serta nombor telefon pada ref2 seterusnya jumlah bayaran," katanya.

Shahrin berkata, kaedah JomPAY dapat menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan atas talian sebagai satu kaedah pembayaran kepada MBSA tanpa perlu ke kaunter.

Kempen itu dianjurkan dengan kerjasama Bank Muamalat dan Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd (MyClear).

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 22 JULAI 2016

KEMPEN
BAYARAN KOMPAUN
DAN **CUKAI TAKSIRAN**

MELALUI PERBANKAN INTERNET ATAU
TELEFON MUDAH ALIH



MAJLIS BANDARAYA
SHAH ALAM

BERMULA **1 JUN 2016** SEHINGGA **31 OGOS 2016**

HADIAH UTAMA
WANG TUNAI

RM4,000

UNTUK SETIAP PEMENANG (2 ORANG)



IPHONE 6S
3 PEMENANG

BAUCER
MEMBELI
BELAH
20 PEMENANG



SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:
SEKSYEN PENGURUSAN HASIL, JABATAN KEWANGAN,
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
TEL: 03 - 5522 2882/ 2881 • LAMAN WEB : www.mbsa.gov.my

ANJURAN



DENGAN KERJASAMA

